

Tiada rawatan lanjut ke atas Dr. Mahathir – Saksi

Oleh HERMAN HAMID

KOTA BHARU 7 Mei - Doktor peribadi kepada Tun Dr. Mohamad, Datuk Dr. Mohd. Nasir Muda memberitahu Mahkamah Majistret di sini hari ini bahawa beliau tidak memberikan sebarang rawatan lanjut kepada bekas Perdana Menteri itu selepas insiden di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalang Chepa, 28 Julai tahun lalu.

Beliau yang juga Pakar Perunding Kardiologi di Institut Jantung Negara (IJN) berkata, ini berikutan didapati Dr. Mahathir selepas itu sudah boleh kembali bernafas seperti biasa sebaik mereka tiba di Hotel Renaissance di sini.

Katanya, kira-kira 15 minit sebelum itu sebaik insiden tersebut

berlaku, Dr. Mahathir didapati menekup mukanya kerana sukar bernafas dan mengalami pedih mata.

"Masa keadaan yang agak kecoh itu, pengawal peribadi Dr. Mahathir bersama saya bergegas menarik Tun ke arah kereta berwarna hitam yang disediakan untuk saya.

"Apabila sampai di bilik hotel, Tun kemudian basuh muka dengan tuala dan air, yang ketika itulah saya tidak berikan apa rawatan lanjut sebab lihat beliau tidak mengalami sebarang masalah pernafasan," katanya.

Dr. Mohd. Nasir juga memaklumkan Dr. Mahathir tidak mengalami sebarang masalah kesihatan sebelum datang ke Kota Bharu pada 28 Julai lalu.

Beliau berkata demikian ketika disoal Timbalan Pendakwa Raya, Raja Rozela Raja Toran sewaktu pemeriksaan utama pada perbi-

caraan melibatkan seorang ahli perniagaan, Datuk Nik Sapeia Nik Yusof, 53, yang didakwa menyebabkan kecederaan secara menyembur bahan berbahaya ke atas Dr. Mahathir dan tiga yang lain termasuk Dr. Mohd. Nasir sendiri.

Nik Sapeia yang juga seorang ahli politik didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun, atau dengan denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu jika sabit kesalahan.

Sementara itu, ketika diminta Raja Rozela untuk menggambarkan tentang bahan semburan itu, Dr. Mohd. Nasir berkata bahan tersebut berbau tajam dan menyakkan nafas.

Katanya, bau yang tidak menyenangkan itu juga menyebabkan masing-masing mengalami pedih mata hingga menyebabkan

mata berair selain rasa sakit tekak.

"Rasa sakit tekak itu kekal kira-kira selama setengah jam," jelasnya.

Apabila disoal pada pemeriksaan balas oleh peguam Zainal Abidin Mustaffa mengenai pendapatnya selaku seorang doktor sebaik menghidu kandungan bahan semburan itu, beliau menjawab tidak tahu.

"Ini di luar kepakaran saya," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Kimia, Zainon Mohamad yang merupakan saksi kesembilan pendakwaan yang mengambil tempat pada hari kesembilan perbicaraan hari ini berkata, terdapat empat belas barang kes yang bertanda E1 sehingga E14 telah diberikan kepadanya untuk dianalisis.

Katanya, kesemua barang tersebut diserahkan oleh pegawai penyiasat, Asisten Supritendan

Baharin Mohd. Noor di pejabatnya di Jabatan Kimia, Kuala Terengganu pada 3 Ogos tahun lalu kira-kira pukul 12.10 tengah hari.

Menurutnya, antara barang kes yang diserahkan itu termasuk dua pasang baju melayu, sapu tangan, baju kemeja, sehelai baju T, sebekas penyembur lada SWAT berlabel PDRM dan sebekas penyembur lada bersaiz kecil.

"Dalam analisis yang dilakukan didapati terdapat kesan bahan kimia 'nonivamyde' iaitu salah satu daripada empat bahan kimia yang terkandung dalam 'pepper spray SWAT berlabel PDRM' yang bertanda E12 pada baju kemeja berwarna kelabu yang ditanda E6," katanya.

Apabila disoal Zainal, beliau memaklumkan bahan kimia 'nonivamyde' itu biasanya terkandung pada cili.

Um- 8/5/2007